

# Dr. Mahathir hubungi Vajpayee

UM 22 JUN 2002

KUALA LUMPUR 21 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa menghubungi rakan sejawatannya di India, Atal Bihari Vajpayee untuk bertanya khabar mengenai perkembangan semasa pertikaian antara negara itu dengan Pakistan.

Menurut kenyataan pejabat Pesuruhjaya Tinggi India di sini hari ini, Vajpayee menekankan

bahawa India tidak berhasrat meneruskan sengketa dengan Pakistan tetapi ia akan tetap menentang keganasan yang melampaui batas sempadan berpunca dari Pakistan walau dengan apa cara sekalipun.

Memandangkan Presiden Pakistan, Pervez Musharaff telah berulang kali menyatakan keinginan untuk berdamai, India masih lagi menanti pelaksanaannya melalui tindakan yang konkrit, jelas dan berkekal.

Vajpayee, kata kenyataan itu, menegaskan bahawa perselisihan faham antara India dan Pakistan adalah masalah bilateral yang perlu diselesaikan bersama oleh kedua-dua buah negara.

Dalam perbualan melalui telefon selama 10 minit itu, Vajpayee turut merujuk kepada hakikat bahawa isu Jammu dan Kashmir bukanlah isu keagamaan.